

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 12/7/2010

## Zionis akan terus sekat kebebasan hak asasi

UM-12/07/10

KUALA LUMPUR 11 Julai – Israel akan terus melakukan sekatan ekonomi dan keganasan ke atas kebebasan hak asasi manusia tanpa dihalang oleh mana-mana kuasa besar dunia termasuk Amerika Syarikat (AS).

Pensyarah Ekonomi University of Ottawa, Kanada, Prof. Michel Chossudovsky berkata, perubahan pucuk pimpinan AS sekalipun tidak akan menghalang tindakan kejam rejim zionis itu terutamanya ke atas rakyat di Palestin.

“Presiden baru AS, Barack Obama tidak akan menghalang tindakan Israel melakukan sekatan ekonomi dan keganasan hak asasi manusia sebaliknya berdiam diri kerana kuasa besar dunia itu berada di belakang rejim Yahudi,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi bertajuk Kebebasan Flotila – Pengalaman Saksi sempena persidangan Memecahkan Sekatan: Semangat Rachel Corrie dan Mavi Marmara di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Michel berkata, Israel terus angkuh dalam melakukan jenayah perang apabila menyerang kapal misi bantuan kemanusiaan ke Gaza, Mavi Marmara sehingga menyebabkan sembilan aktivis maut dan 30 lagi cedera.

“Kuasa-kuasa besar dunia hanya berdiam diri dan tidak berani mengecam tindakan tidak berperikemanusiaan rejim zionis itu.

“Negara Arab juga membisu. Ini kerana mahu menjaga kepentingan negara masing-masing,” katanya.

Sementara itu, turut berkongsi pengalamannya, doktor Yayasan Bantuan Kemanusiaan Turki (IHH), Dr. Hasan Huseyin Uysal berkata, Israel seharusnya membenarkan Mavi Marmara memasuki Gaza bukannya menyerang kapal itu.